

13 NOV 2003

Tajol-Pembangkang

ADA PEMIMPIN PEMBANGKANG BERMINAT SERTAI UMNO KERANA PAK LAH

IPOH, 13 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata perlantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang kelima awal bulan ini berjaya menarik minat beberapa pemimpin pembangkang untuk mendekati Umno.

Katanya beliau banyak menerima panggilan telefon dari orang-orang yang dahulunya jauh dari Umno tetapi kini mahu rapat dengan Umno selepas perlantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden Umno.

Bagaimanapun beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri enggan mendedahkan pemimpin terbabit dan menambah kemasukan pemimpin seperti itu ke dalam Umno tidak perlu ramai kerana ia boleh membawa banyak kebaikan.

"Orang seperti itu kalau masuk ke dalam Umno tidak perlu ramai. `Core person' (orang penting) seperti mereka boleh membawa kesan psikologi kepada Umno, BN dan juga parti lawan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat perhubungan Umno negeri, di sini malam tadi.

"Kita akan perkenalkan bila sampai masa yang sesuai. Apa yang penting orang yang ada dalam Umno sekarang kita jaga dan yang akan datang kita anggap sebagai bonus," katanya.

Tajol berkata semasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir mempunyai personaliti yang mampu menarik golongan tertentu menyertai Umno, Perdana Menteri kini juga mempunyai caranya yang tersendiri untuk menarik minat golongan tertentu mendekati parti itu.

Beliau berkata sekarang ini, pihak pembangkang terutama lidah rasmi Pas, Harakah sudah mula mengkritik Abdullah tetapi apa yang dikritik adalah personaliti Perdana Menteri, dan bukan dasar-dasarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata mesyuarat semalam telah memutuskan untuk mengadakan lima sambutan perayaan Aidilfitri mengikut zon iaitu utara, selatan, timur, barat dan tengah.

"Bagi utara kita akan adakan di Bagan Serai pada 27 Nov nanti dengan tetamu kehormatannya Datuk Seri Abdullah. Zon Timur kita akan buat di Sungai Siput, Selatan di Tapah pada 6 Dis nanti, Barat di Lumut manakala Tengah di Tambun," katanya.

Beliau berkata Umno negeri akan menyokong usaha daerah Perak Tengah untuk mencipta rekod baru lemang terpanjang dalam Malaysia Book of Records pada 24 Nov nanti di Parit.

-- BERNAMA

KAY AZH